

## BAB KEDUA

### PEMBENTUKAN ALIRAN NAHU KUFAH

#### 2.1 Keadaan Kota Kufah Pada Kurun Pertama dan Kedua Hijrah

Kota Kufah diasaskan pada zaman pemerintahan Khalifah `Umar al-Khattāb sekitar tahun ke-17, 18 dan 19 Hijrah. Kota ini dibina oleh Sa`ad bin Abī Waqqās - iaitu panglima tentera Islam yang ditugaskan untuk menentang tentera Parsi yang dipimpin oleh Rustum dalam peperangan al-Qādisiyyat - berdasarkan cadangan daripada Khalifah `Umar.

Menurut Dr. Yūsuf Khalīf ( *Hayāt al-Syi'r Fī al-Kūfat*, T. T. : 23 ), terdapat dua faktor dalam pemilihan lokasi untuk kota Kufah iaitu :-

1) **Faktor Ketenteraan** : Setelah tentera Islam dapat masuk ke dalam wilayah Parsi dengan lebih jauh lagi, mereka mula berhajat kepada suatu tempat yang berfungsi sebagai pengkalan tentera dan tempat beristirahat.

2) **Faktor Geografi** : Perbezaan cuaca dan iklim yang dialami oleh tentera Islam setelah berada di wilayah Parsi telah melemahkan kekuatan dan daya tahan diri mereka. Sebagai panglima perang yang tertinggi, Khalifah `Umar perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah tersebut agar para tenteranya dapat meneruskan jihad.

Sementara itu, penduduk Kufah dibahagikan mengikut asas etnik atau kabilah. Sebelum tercetusnya Perang Jamal ( iaitu peperangan yang berlaku antara tentera Sayyidina `Alī dengan tentera Sayyidatina `A'isyat pada tahun 36 Hijrah ), terdapat tujuh kabilah kesemuanya di Kufah. Selépas Perang Jamal, berlaku sedikit perubahan sehinggalah pada tahun 50 Hijrah, Ziyād bin Abih, yang menjadi gabenor di Basrah dan Kufah, telah membahagikan penduduk Kufah kepada empat kabilah yang dikumpulkan dalam dua kumpulan utama iaitu Yamāniyyat dan Nazzāriyyat. Tujuannya adalah untuk mengurangkan sifat taksub kekabilahan di samping untuk menjamin keselamatan empayar kerajaan Umawiyat.

Pembahagian penduduk secara kabilah ini bukan sahaja terhad kepada Kufah, tetapi juga meliputi bandar-bandar yang lain selain daripada Mekah dan Madinah. Menurut Dr. Yūsuf Khalif ( T. T. : 33 ); “ Kehidupan di Kufah adalah suatu gambaran kehidupan kekabilahan yang jelas sekali kelihatan di bandar tersebut. Buktinya, jalan-jalan dan lorong-lorong di bandar Kufah dinamakan mengikut nama-nama kabilah yang mendiami kawasan tersebut ”.

Tidak dapat dinafikan, penduduk Kufah telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam penyebaran agama Islam semenjak pembukaan kota Kufah. Mereka tidak pernah berhenti daripada berperang sehingga Khalifah `Umar pernah berkata ; “ Semoga Allah memberi kebaikan kepada penduduk Kufah yang telah meminggirkan kepentingan peribadi mereka demi meneruskan jihad membuka wilayah-wilayah baru ” ( Al-Tabariy, Tarikh al-Tabariy, 1963 : 4 / 52 ).

Di samping itu, Kufah juga terkenal sebagai tempat para penentang kerajaan Umawiyat berselindung. Mereka semenjak dari dulu lagi menjadi pengikut setia Sayyidinā `Alī sehingga mereka digelar puak syiah. Penentangan ini berterusan sehinggalah tertegaknya kerajaan `Abbāsiyyat di Iraq.

Dalam pada itu, terdapat dua faktor yang mempengaruhi pembentukan masyarakat kota Kufah iaitu :-

1) Faktor Sejarah : Semasa orang-orang Arab mula membina kota Kufah, Kufah pada masa itu belum lagi berpenghuni. Situasi yang berlaku di Kufah ini tidak sama seperti yang dialami oleh kota-kota di Syām dan Mesir.

2) Faktor Geografi : Kota Kufah terletak hanya beberapa batu sahaja daripada bandar Hīrat yang masih di bawah pengawasan Parsi. Keadaan ini menyebabkan berlakunya hubungan politik dan perniagaan antara Kufah dengan wilayah-wilayah Parsi yang berjiran dengannya ( Al-Mukhtār Aḥmad Dīrat, Dirāsāt Fī al-Nahw al-Kufīy, 1991 : 32 ).

Secara keseluruhannya penduduk Kufah terdiri daripada dua bangsa utama iaitu bangsa Arab dan bangsa Parsi. Namun, lama kelamaan jumlah penduduk bangsa Parsi telah mengatasi jumlah penduduk bangsa Arab. Fenomena sosial ini merupakan faktor utama berlakunya fenomena bahasa yang penting iaitu meresapnya pengaruh bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab di Kufah.

Selain daripada bangsa Arab dan Parsi, bangsa Nibīȳ dan bangsa Siryānīȳ juga turut mendiami kota Kufah. Percampuran yang berlaku antara bangsa-bangsa tersebut telah menjadikan Kufah sebagai pusat kebudayaan dan keilmuan yang terkaya pada zaman kerajaan Umawīyyat dan `Abbāsiyyat.

Dr. Ahmad Amīn ( Fajr al-Islām, 1969 : 179 ) telah merujuk fenomena ini kepada beberapa faktor. Antara yang terpenting ialah :-

1) Kota Kufah telah menjadi tempat pertemuan berbagai-bagai ketamadunan, antaranya tamadun Babylon, Asyūriyyat, Kaldāniyyat, Parsi dan Yunan. Justeru itu, Kufah bagaikan sebutir lampu yang menerangi negeri-negeri yang lain.

2) Lebih separuh daripada penduduk Kufah terdiri daripada puak mawālī ( iaitu orang-orang bukan Arab yang beragama Islam yang menjadi tawanan perang, kemudiannya memeluk agama Islam dan seterusnya dimerdekakan oleh orang-orang Arab. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan tertentu, mereka masih memerlukan tunjuk ajar daripada orang-orang Arab - lihat, Ahmad Amīn, 1969 : 93 ) berbanding penduduk asal daripada bangsa Arab. Sebahagian daripada puak mawālī ini pula terdiri daripada mereka yang berpendidikan dan berpengetahuan tinggi yang seterusnya telah menjadikan Kufah sebagai pusat kepimpinan dalam bidang tersebut.

Antara ulamak Kufah daripada puak mawālī ini ialah Sa'īd bin Jābir, Hammād al-Rāwiyat ( pengumpul al-Mu'allaqāt al-Sab' ) dan al-Imām Abū Hanīfat ( pengasas mazhab Hanafī ).

3) Di samping dua faktor di atas, faktor politik juga tidak kurang pentingnya. Pembunuhan Sayyidinā `Uthmān dan rentetan peristiwa yang berlaku selepas itu, telah menjadi suatu fenomena yang dipelajari di masjid-masjid serta menimbulkan perdebatan dan dialog. Begitu juga hubungan-hubungan kebudayaan yang terjalin antara Kufah dengan pusat-pusat tamadun Islam yang lain terutamanya Basrah telah menimbulkan sifat ingin berlumba antara satu sama lain ( Ahmad Dirat, 1991 : 35 ).

Sementara itu, terdapat tiga aliran dalam perkembangan kajian bahasa di Kufah sekitar kurun pertama dan ke-2 Hijrah yang berlaku secara berturutan iaitu :-

- 1) Pengumpulan dan pengkodan bahasa
- 2) Periwiyatan puisi
- 3) Pengasasan kaedah-kaedah nahu

Faktor utama berlakunya perkembangan kajian bahasa ini ialah keperluan yang memuncak di kalangan bangsa-bangsa bukan Arab yang telah memeluk agama Islam untuk mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa agama mereka yang baru tersebut, selain wujudnya fenomena al-lahn ( اللَّحْنُ ) - iaitu kesilapan dalam

menyebut suatu perkataan atau susunan kata ( lihat, Dr. Ibrāhīm `Abdullah Rufaydat, al-Nahw Wa Kutub al-Tafsir, 1990 : 33 ) dan percampuran budaya yang pelbagai.

Dalam hal ini, kota Basrah telah mendahului kota Kufah lebih kurang satu kurun apabila al-Khalīl bin Ahmad al-Farāhīdīy telah memelopori usaha meletakkan asas dalam bidang leksikologi, ilmu `arūd serta nahu. Di Kufah, Abū Ja`far al-Ru`āsīy di anggap pelopor dalam kajian bahasa ini. Kemudian usaha ini diteruskan oleh anak-anak murid beliau seperti `Alī bin Hamzat al-Kisā'īy dan Abū Zakariyyā Yahyā al-Farrā'. Dalam perbincangan selepas ini, kita akan membicarakan secara terperinci tentang tokoh-tokoh ulamak Aliran Nahu Kufah tersebut.

## 2.2 Method Aliran Nahu Kufah Dalam Kajian Bahasa

Sebelum kita membicarakan tentang method yang digunakan oleh aliran ini dalam kajian nahu, terlebih dahulu kita perlu melihat kepada faktor-faktor kelahiran ilmu nahu. Seperti yang dinyatakan oleh al-Mukhtār Ahmad Dirat ( 1991 : 44 ), terdapat empat faktor yang membawa kepada lahirnya ilmu nahu iaitu :-

1) Faktor Keagamaan : iaitu keinginan di kalangan orang-orang Islam untuk memastikan pembacaan al-Quran dengan cara yang betul dan fasih.

2) Faktor Perkauman : iaitu kecintaan orang-orang Arab terhadap bahasa mereka. Kecintaan ini menyebabkan mereka sentiasa berhati-hati apabila bergaul

dengan orang-orang `ajam ( yakni orang-orang bukan Arab ) kerana mereka bimbang bahasa mereka akan tercemar dan seterusnya musnah.

3) Faktor Sosial : iaitu keinginan orang-orang `ajam yang baru memeluk agama Islam untuk mempelajari bahasa Arab agar mereka diterima dalam masyarakat.

4) Faktor Kemaajuan : iaitu perkembangan minda dan material dalam kehidupan orang-orang Arab telah mendorong mereka menggunakan kaedah-kaedah baru yang bersesuaian dengan realiti semasa.

Sementara itu, terdapat tiga sumber utama dalam kajian bahasa iaitu yang pertamanya ialah al-Quran yang merupakan sumber yang paling sahih, kedua puisi-puisi Arab dan yang ketiganya ialah ungkapan orang-orang Arab khususnya yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, orang-orang Basrah telah mendahului orang-orang Kufah dalam kajian bahasa ini lebih kurang satu kurun lamanya. Oleh itu, para ulamak antaranya Ibn al-Nadīm dalam bukunya al-Fihrisat, al-Zubaydīy dalam Tabaqāt al-Nahwiyyīn, Ibn al-Anbārīy dalam Al-Insāf Fī Masa'il al-Khilāf dan al-Qiftīy dalam Anbāh al-Ruwāt `Alā Anbāh al-Nuḥāt, telah bersepakat bahawa setiap daripada Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah masing-masing mempunyai hala tuju dan pandangan yang berbeza.

Ulamak-ulamak Nahu Basrah misalnya hanya membina asas aliran nahu mereka berdasarkan ungkapan-ungkapan yang telah tersebar luas di kalangan orang-orang Arab yang diyakini kefasihannya. Justeru itu, mereka mengabaikan ungkapan-ungkapan yang syādh ( شاذ - pelik ), nādir ( نادر - jarang digunakan ) atau datang daripada mereka yang kurang diyakini kefasihannya. Oleh itu, kaedah-kaedah nahu yang mereka susun adalah kemas dan teratur. Mereka menolak sebarang bentuk yang terkeluar daripada kaedah tersebut dan menganggapnya sesuatu yang hanya perlu dihafal tetapi tidak boleh dijadikan sebagai qiyās ( Ahmad Dirat, 1991 : 47 ).

Sementara ulamak-ulamak Nahu Kufah pula, mereka menghormati setiap bentuk ungkapan yang diucapkan oleh orang-orang Arab dan mengharuskan penggunaannya iaitu dengan mengubahsuai kaedah yang telah disusun sebelum ini dengan kaedah yang baru. Bukan setakat itu sahaja, mereka juga kadang-kadang turut menjadikan ungkapan-ungkapan yang syādh sebagai kaedah seperti yang dijelaskan oleh al-Sayūfī ( Bughyat al-Wa`at, T. T. : 336 ); “ Al-Kisā’īy pernah mendengar suatu ungkapan yang syādh yang hanya diharuskan penggunaannya dalam puisi sahaja, lalu dijadikannya sebagai kaedah yang boleh diguna pakai ”.

Dari sini jelaslah kepada kita perbezaan antara Aliran Nahu Kufah dengan Aliran Nahu Basrah iaitu dari sudut keluasan dalam pengambilan kata orang-orang Arab sama ada daripada puisi-puisi atau pun ungkapan-ungkapan mereka. Kita dapati Aliran Nahu Kufah mempunyai kelonggaran dalam periwayatan puisi serta



menerima kesemua orang Arab sama ada orang Arab pedalaman atau pun yang tinggal di bandar, sedangkan pada masa yang sama Aliran Nahu Basrah mempunyai syarat yang ketat dalam pengambilan puisi-puisi Arab. Mereka hanya mengiktiraf orang-orang Arab yang tinggal di kawasan Najd, Hijāz dan Tihāmat sahaja sebagai orang-orang Arab yang fasih.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak boleh menganggap ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah tidak membuat pendalilan daripada orang-orang Arab yang fasih ( iaitu mereka yang tidak bercampur dengan orang-orang 'ajam dan diyakini ketulenan bahasa mereka ) dan mereka hanya meriwayatkan puisi-puisi atau ungkapan-ungkapan daripada orang-orang Arab yang telah rosak bahasa mereka disebabkan percampuran dengan orang-orang 'ajam. Banyak riwayat yang menceritakan kepada kita tentang pengembaraan-pengembaraan yang telah dilakukan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah, antaranya pengembaraan al-Kisā'iy ke kawasan Najd, Hijāz dan Tihāmat. Dalam pengembaraan tersebut beliau telah " menghabiskan lima belas botol dakwat untuk menulis ( puisi dan ungkapan ) daripada orang-orang Arab tidak termasuk apa yang telah dihafal " ( Al-Qifṭī, Anbāh al-Ruwāt, 1986 : 2 / 258 ).

Oleh itu, propaganda yang mengatakan bahawa orang-orang Basrah sahaja yang berperanan dalam ilmu nahu adalah tidak benar kerana orang-orang Kufah juga mengambil bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab yang fasih di kawasan pedalaman. Perkara ini telah dijelaskan oleh al-Sayūṭī ( Al-Muzhir, 1986 : 1 / 212 ) ; " Hanya orang-orang Basrah dan Kufah sahaja daripada kalangan orang-orang Arab yang memindahkan sumber-sumber bahasa daripada mereka ( yakni

orang-orang Arab yang fasih ) ke dalam sebuah buku sehingga menjadikan bahasa itu sebagai suatu cabang ilmu dan bidang kerjaya ”.

Oleh sebab itu juga, kita dapati penggunaan qiyās dalam kajian bahasa lebih banyak dan lebih meluas digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah berbanding ulamak-ulamak Nahu Basrah, walaupun ulamak-ulamak Nahu Basrah lebih kuat berpegang dengan kaedah qiyās yang mereka bina. Hal ini kerana ulamak-ulamak Nahu Kufah di samping menggunakan kaedah qiyās terhadap bukti-bukti bahasa yang sah, mereka juga mengguna pakai kaedah tersebut terhadap bukti-bukti bahasa yang syādh dan nādir sepertimana yang dijelaskan oleh al-Sayūṭī ; “ Sekiranya orang-orang Kufah mendengar suatu bait puisi yang mempunyai suatu bukti yang bersalahan dengan suatu kaedah dasar, mereka akan menjadikan bukti tersebut sebagai suatu dasar dan akan memperincikannya dalam satu bab ” ( sebagai mana yang disebut oleh Ahmad Dirat, 1991 : 49 ).

Kesimpulannya, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah hanya membuat pendalilan atau mengambil bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab yang fasih, tidak kira tahap kefasihan tersebut cukup baik atau pun kurang baik. Tetapi mereka sama sekali tidak akan membuat pendalilan daripada orang-orang Arab yang telah rosak bahasa mereka. Keadaan ini berbeza dengan ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah yang hanya mengambil bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab yang mempunyai tahap kefasihan yang tinggi sahaja.

## 2.3 Tokoh-Tokoh Aliran Nahu Kufah

Setiap aliran atau mazhab semestinya mempunyai tokoh-tokoh yang tertentu. Tokoh-tokoh inilah yang menjadikan aliran tersebut berbeza atau mempunyai ciri-ciri yang tersendiri berbanding aliran-aliran lain yang sebidang dengannya. Terdapat empat orang ulamak Kufah yang menjadi tokoh utama dalam aliran ini iaitu al-Ru'āsiy, al-Harrā', al-Kisā'iyy dan al-Farrā'.

### 2.3.1 Al-Ru'āsiy

Nama penuh beliau ialah Abū Ja'far Muḥammad bin al-Ḥasan bin Abī Sārat. Beliau digelar al-Ru'āsiy kerana saiz kepalanya yang agak besar. Beliau dianggap pengasas Aliran Nahu Kufah seperti yang disebut oleh al-Zubaydiy ( *Ṭabaqāt al-Nahwiyyin*, 1954 : 135 ) ; “ Al-Ru'āsiy adalah guru kepada penduduk Kufah dalam bidang ilmu nahu ”.

Al-Ru'āsiy dilahirkan dan dibesarkan di Kufah sebelum berpindah ke Basrah untuk menuntut ilmu pengetahuan. Kemudian beliau kembali semula ke Kufah dan membentuk generasi pertama Aliran Nahu Kufah bersama bapa saudaranya Mu'adh bin Muslim al-Harrā'. Mengikut Ahmad Dirat ( 1991 : 52 ) ; “ Pembentukan generasi pertama Aliran Nahu Kufah ini bukanlah secara kebetulan tetapi merupakan pengaruh yang dibawa oleh al-Ru'āsiy sekembalinya dari Basrah iaitu setelah beliau melihat wujudnya arus keilmuan di Basrah yang dipelopori oleh gurunya 'Isā bin 'Umar al-Thaqafiy dan 'Amr bin al-'Allā' ”.

Al-Ru'āsiy telah mengarang beberapa buah kitab yang membuktikan ketinggian ilmu yang ada padanya. Antaranya ialah kitab Ma'āni al-Qur'ān<sup>1</sup>, al-Waqf, al-Ibtidā' al-Kabīr, al-Ibtidā' al-Saghīr, Kitāb al-Tasghīr dan al-Faysal iaitu kitab beliau yang paling masyhur sekali. Bagaimanapun, kesemua kitab tersebut tidak dapat dikesan sehingga ke hari ini.

Anak murid beliau yang paling masyhur ialah al-Kisā'iy dan al-Farrā'. Kedua-duanya dianggap penolak kepada Aliran Nahu Kufah. Al-Ru'āsiy meninggal dunia di Kufah pada masa pemerintahan Khalifah Harūn al-Rasyid ( Muhammad al-Tantāwiy, *Nasy'at al-Nahw*, 1987 : 90 ).

### 2.3.2 Al-Harrā'

Nama penuh beliau ialah Abū Muslim Mu'adh bin Muslim. Seperti juga anak saudaranya al-Ru'āsiy, al-Harrā' adalah guru kepada al-Kisā'iy dan al-Farrā'. Beliau digelar al-Harrā' kerana kerjanya ialah menjual pakaian yang berasal daripada Harrāt iaitu suatu tempat di wilayah Khurāsān.

Menurut 'Umar Kahhālat ( *Mu'jam al-Mu'allifin*, T. T. : 12 / 301 ) ; " Al-Harrā' telah mengarang banyak buah buku dalam bidang nahu, namun kesemuanya hilang tidak dapat dikesan ". Nasib yang dialami oleh buku-buku al-Harrā' ini samalah juga dengan kebattyakan buku ulamak Nahu Kufah yang lain. Al-Harrā' dikatakan lebih menguasai ilmu sarf ( morfologi ) berbanding nahu ( sintaksis ).

---

<sup>1</sup> Banyak penulis atau ulamak yang menulis tentang tajuk ini. Antaranya ialah al-Ru'āsiy, al-Kisā'iy, al-Farrā' dan lain-lain.

Beliau mati di Kufah pada tahun 187 Hijrah dalam usia 150 tahun ( Muhammad al-Tantawīy, 1987 : 91 ).

### 2.3.3 Al-Kisā'iy

Abū al-Hasan 'Alī bin Hamzat atau lebih dikenali dengan gelaran al-Kisā'iy merupakan ulamak Kufah dalam bidang nahu dan qiraat yang berbangsa Parsi. Beliau dianggap oleh al-Sayūṭiy ( Bughyat al-Wa'at, T. T. : 336 ) sebagai ; " Pemimpin para pengarang dalam bidang nahu dan bahasa serta salah seorang daripada tujuh orang ulamak qiraat yang termasyhur ". Apabila ditanya kenapakah beliau digelar " al-Kisā'iy ", beliau menjawab ; " Kerana aku berihram dengan memakai kisā' ( iaitu sejenis pakaian yang tidak berjahit yang menyerupai sari " ( Muhammad al-Tantawīy, 1987 : 91 ).

Al-Kisā'iy hanya mula mempelajari ilmu nahu secara serius setelah meningkat dewasa. Di Kufah beliau berguru dengan Mu'adh al-Harrā' dan kemudian berpindah pula ke Basrah untuk berguru dengan al-Khalīl, 'Isā bin 'Umar dan ulamak-ulamak Basrah yang lain. Beliau kagum dengan kebolehan al-Khalīl lalu bertanya ; " Dari manakah kamu beroleh ilmu kamu ini ". Al-Khalīl menjawab ; " Dari pedalaman Hijāz, Najd dan Tihāmat ". Mendengar jawapan al-Khalīl tersebut, al-Kisā'iy terus pergi ke kawasan-kawasan pedalaman tersebut untuk mengumpul sebanyak mungkin bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab di sana ( lihat, Muhammad al-Syātir Ahmad Muhammad, al-Mūjiz Fī Nasy'at al-Nahw, 1983 : 61 ). Beliau kembali semula ke Kufah dan mendapati penduduk-penduduk Kufah sangat dahagakan ilmu nahu. Bermula dari saat itu, perkembangan

Aliran Nahu Kufah semakin rancak dan mula bersaing dengan Aliran Nahu Basrah, sehingga membuahkan perbezaan yang semakin ketara antara dua aliran nahu tersebut.

Al-Kisā'iy telah mengarang banyak buah buku, antaranya Kitāb Ma'āni al-Qur'an, Kitāb Mukhtasar al-Nahw, Kitāb al-Qirā'at, Kitāb Ikhtilāf al-'Adad, Kitāb al-Hurūf, Kitāb al-Nawādir al-Awsat dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, hanya sebuah sahaja antara buku-buku beliau tersebut yang masih kekal sehingga ke hari ini iaitu "Ma Talhanu Fih al-'Āmat" ( مَا تَلَحَّنُ فِيهِ الْعَلَمَةُ ). Buku ini ditulis oleh al-Kisā'iy untuk Khalifah Harūn al-Rasyīd. Buku kecil ini mengandungi 107 masalah yang membicarakan tentang fenomena al-lāh'n dalam bahasa Arab ( Ahmad Dirat, 1991 : 115 ).

Al-Kisā'iy meninggal dunia pada tahun 189 Hijrah di al-Rayy iaitu pada hari yang sama dengan kematian ulamak fekah Muhammad bin al-Hasan al-Faqih. Khalifah Harūn al-Rasyīd mengisyaratkan kematian dua ulamak tersebut dengan berkata ; " Ilmu fekah dan nahu telah dikuburkan di al-Rayy pada hari yang sama " ( Al-Zubaydiy, 1954 : 142 ).

#### 2.3.4 Al-Farrā'

Seperti juga al-Ru'asiy, al-Harra' dan al-Kisa'iy, al-Farra' atau nama penuhnya Abū Zakariyyā Yahyā bin Ziyād bin 'Abdullah bin Manzūr al-Daylamiy adalah antara ulamak Kufah daripada golongan puak mawālī. Al-Farra' dilahirkan

di Kufah pada tahun 144 Hijrah di zaman Khalifah Hārūn al-Rasyīd. Beliau yang berbangsa Parsi merupakan anak murid al-Kisā'iy yang paling masyhur dan dianggap ulamak Kufah yang paling alim dalam bidang nahu selepas al-Kisā'iy. Beliau digelar al-Farrā' " kerana kebolehannya menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan nahu " ( Dr. Subhī `Abd al-Ḥamid Muḥammad `Abd al-Karīm, al-Lahajāt al-'Arabiyyat Fī Ma`ānī al-Qur`ān Lilfarrā', 1986 : 10 ).

Al-Farrā' mendalami pelbagai ilmu yang ada pada zamannya termasuklah ilmu kedokteran, falsafah, astronomi, sejarah Arab dan puisi-puisi Arab. Namun, keilmuannya dalam bidang nahu lebih menonjol sehingga beliau digelar " Amīr al-Mu'minīn dalam ilmu nahu " ( Muḥammad al-Tantāwī, 1987 : 93 ). Kehebatan yang ada pada al-Farrā' ini telah mendorong Khalifah al-Ma'mūn menjemput beliau ke istana agar beliau menumpukan usaha dalam bidang penulisan dan mengarang buku. Untuk itu, al-Ma'mūn telah menyediakan sebuah bilik khusus yang dilengkapi dengan buku-buku di samping menggaji beberapa orang untuk berkhidmat dengan al-Farrā' ( Ahmad Dirat, 1991 : 63 - 64 ).

Al-Farrā' telah mengarang lebih kurang 30 buah buku kesemuanya. Walau bagaimanapun, hanya empat buah buku sahaja yang masih kekal sehingga ke hari ini iaitu :-

1) Ma`ānī al-Qur`ān ( مَعَالِي الْقُرْآن )

2) Al-Ayyām Wa al-Layālī Wa al-Syuhūr ( الْأَيَّامُ وَاللَّيَالِي وَالشُّهُورُ )

3) Al-Mudhakkar Wa al-Mu'annath ( المذَّكَّرُ وَالْمُؤَنَّثُ )

4) Al-Maqsūr Wa al-Mamdūd ( المَقْصُورُ وَالْمَمْدُودُ )

Jumlah ini menjadikan hanya lima buah sahaja daripada buku-buku nahu yang dikarang oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah yang masih kekal iaitu empat buah daripada al-Farrā' dan sebuah daripada al-Kisā'iy. Walau bagaimanapun, hanya kitab Ma'ānī al-Qur'ān sahaja yang dianggap paling lengkap dan menyeluruh dalam mengenengahkan pendapat-pendapat daripada Aliran Nahu Kufah. Kitab ini mengandungi tiga juzuk dan merupakan ensiklopedia tentang pendapat-pendapat al-Farrā' dalam bidang nahu, bahasa, morfologi, retorik, sastera, tafsir dan sebagainya ( Ahmad Dirat, 1991 : 115 ).

Oleh itu, kitab Ma'ānī al-Qur'ān oleh al-Farrā' ini dianggap sumber utama yang berkaitan dengan Aliran Nahu Kufah. Justeru itu, dalam kajian ini penulis akan merujuk kepada kitab Ma'ānī al-Qur'ān oleh al-Farrā' - dalam kebanyakan kes - semasa membicarakan tentang pendapat-pendapat daripada Aliran Nahu Kufah.

Oleh itu juga, al-Farrā' dianggap tonggak kepada Aliran Nahu Kufah kerana beliau telah meninggalkan sumbangan-sumbangannya yang jelas kelihatan berbeza berbanding aliran-aliran nahu yang lain khususnya Aliran Nahu Basrah. Al-Farrā' mati pada tahun 207 Hijrah di zaman Khalifah al-Ma'mūn iaitu ketika berumur 63 tahun ( lihat, al-Farrā', al-Maqsūr Wa al-Mamdūd, 1983 : xxi ). Antara anak murid



beliau yang masyhur ialah Salamat bin 'Āsim, Abū 'Abdullah al-Tawwāl, Muhammad bin 'Abdullah bin Qādim, Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām, Abū 'Abdullah Muhammad bin al-Jahm al-Samriy dan Abū Yūsuf Ya'qūb bin Ishāq al-Sikkīt.

Selain daripada al-Ru'asiy, al-Harrā', al-Kisa'iy dan al-Farrā', antara ulamak Aliran Nahu Kufah yang lain ialah al-Aḥmar dan al-Lihyanīy ( yang sezaman dengan al-Farrā' ), Ibn Sa'dān, al-Tawwāl, Ibn Qādim dan al-Sikkīt dari generasi keempat dan Abū al-'Abbās Aḥmad bin Yahyā atau lebih dikenali sebagai Tha'lab yang dianggap ulamak Aliran Nahu Kufah dari generasi yang terakhir ( kelima ).